

KPDNHEP ambil tindakan peniaga naik harga tak munasabah

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga secara tidak munasabah sempena Tahun Baharu Cina.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kementerian tidak akan bertolak-ansur dengan mana-mana pihak yang melakukan pencatutan atau tidak patuh kepada Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2020.

Rampasan serta tindakan tegas dalam bentuk denda dan/atau penjara juga akan dikenakan, kata beliau dalam satu kenyataan susulan aduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) berkenaan kenaikan harga sayuran baru-baru ini.

Beliau turut mengingatkan peniaga bahawa SHMMP Tahun Baharu Ci-



Kementerian tidak akan bertolak-ansur dengan pihak yang melakukan pencatutan atau tidak patuh kepada Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2020.

Saifuddin Nasution Ismail,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

na 2020 akan berkuat kuasa mulai hari ini hingga 2 Februari depan, dengan harga maksimum ditetapkan bagi 16 barangan keperluan utama.

"Lebih 2,300 pegawai penguat kuasa KPDNHEP akan aktif memantau semua premis peniagaan bagi memastikan kepatuhan dengan SHMMP Tahun Baharu Cina 2020 dan tidak berlaku pencatutan," katanya.

Saifuddin berkata, pegawai penguat kuasa KPDNHEP diarahkan untuk memberi Notis 21 mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 kepada premis yang menaikkan harga bagi mendapatkan penjelasan mengenai punca kenaikan.

Pengguna boleh menyumbang kepada usaha ini dengan melaporkan kepada KPDNHEP melalui mana-mana sembilan saluran aduan termasuk saluran WhatsApp di talian 019-2794317, katanya.

BERNAMA